



## KENYATAAN MEDIA

### LEBIH 7,000 PELUANG PEKERJAAN MENANTI PENCARI KERJA DI KARNIVAL KERJAYA UP JUBLI EMAS PERKESO

**KUALA LUMPUR** – Bersempena sambutan Jubli Emasnya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menganjurkan **Karnival Kerjaya UP (*Urban Poor*) Jubli Emas PERKESO** yang menawarkan lebih daripada **7,000** kekosongan jawatan kepada pencari kerja, pada **9 Oktober 2021**.

Selari dengan strategi di bawah Majlis Pekerjaan Negara (MPN), karnival pekerjaan ini dianjurkan bagi menyahut seruan Kerajaan untuk membantu golongan rentan bandar mendapatkan peluang pekerjaan khususnya ketika tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) agar masalah pengangguran dapat ditangani dengan segera.

Berlainan dengan siri Program Kerjaya UP yang pernah dilaksanakan secara fizikal sebelum ini, Karnival Kerjaya UP Jubli Emas PERKESO ini akan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian dengan penglibatan **71** buah majikan di **enam** buah negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Terengganu dan Sabah serta **dua** Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya. Antara majikan yang menyertai karnival pekerjaan ini adalah seperti Sime Darby Plantation, Apar Technologies, Banyan Tree Kuala Lumpur dan Hong Leong MSIG Takaful.

Pendaftaran ke sesi temu duga di Karnival Kerjaya UP Jubli Emas PERKESO ini adalah percuma dan terbuka kepada semua golongan pencari kerja. Selain itu, berita baik buat pencari kerja yang bukan pencarum PERKESO seperti graduan baharu,

lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal, mereka boleh membuat permohonan insentif **SIP Prihatin 2.0** dengan mengemukakan bukti penyertaan mereka dalam mana-mana sesi temu duga yang dijalankan di karnival ini. SIP Prihatin 2.0 di bawah **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** menawarkan insentif **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** sebanyak **RM300** sebulan untuk tempoh dua bulan kepada pencari kerja yang menghadiri minimum tiga sesi temu duga dengan majikan yang berbeza. Individu yang berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh masa tersebut layak untuk menerima insentif tambahan **Elaun Persediaan Bekerja (EPB)** sebanyak **RM400**.

PERKESO berharap pencari kerja daripada golongan B40 bandar akan menggunakan peluang ini untuk mendapatkan pekerjaan demi kelestarian hidup masing-masing. Pencari kerja yang berminat boleh mendaftar di **Portal Pekerjaan Negara, MYFutureJobs** menerusi pautan [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) atau hubungi **nombor Careline PERKESO 1-300-22-8000** atau **03-8091 5300**.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**8 Oktober 2021**

**Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau S. Retnanathan di talian +6016 – 2555 602.**